

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

UTHM TERIMA SUMBANGAN ENDOWMEN RM200 RIBU UNTUK TAJAAN PELAJAR PASCASISWAZAH

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima wang sumbangan endowmen penyelidikan berjumlah RM 200,000.00 dari **Syarikat BP Renal Care Sdn. Bhd.** Wang sumbangan tersebut diterima dalam satu Majlis Penyerahan Replika Cek Endowmen Penyelidikan yang diadakan pada 20 Mac 2016, bertempat di Sapphire Ballroom, Hotel Katerina, Batu Pahat. Sumbangan endowmen ini bertujuan untuk menaja pelajar-pelajar pascasiswazah UTHM yang mengikuti pengajian peringkat Sarjana dan PhD. Keutamaan penajaan akan diberikan kepada pelajar program penyelidikan. Menurut Profesor Dr. Ismail Abdul Rahman, Dekan Pusat Pengajian Diploma (PPD), sumbangan yang diterima oleh universiti adalah secara berperingkat mengikut keperluan dan keutamaan.

Majlis telah disempurnakan oleh Dr. Kee Swee Ann, Pengarah Urusan, BP Renal Care. UTHM diwakili oleh Profesor Dr. Hashim Saim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Madya Dr. Mohd Najib Mohd Salleh, Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC), Profesor Dr. Ismail Abdul Rahman, Dekan PPD dan Profesor Madya Dr. Abdul Halid Abdullah, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS). Dr. Kee dalam ucapannya berharap agar sumbangan endowmen ini dapat membantu pelajar dalam membangun serta meneroka bidang penyelidikan dengan lebih mendalam. Di samping itu, ia dapat membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk terus menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.



THE 2016 GLOBAL CLEANTECH INNOVATION PROGRAMME

Pada 14 Mac 2016, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC), ORICC telah menjemput *Malaysian Industry - Government Group for High Technology (MIGHT)* yang merupakan sebuah agensi utama menerajui program *Global Cleantech Innovation Programme (GCIP)* di Malaysia bagi menyampaikan taklimat bertajuk "**The 2016 Global Cleantech Innovation Programme**". Agensi ini akan menjadi tuan rumah dalam *GCIP Accelerator Programme Year 2016*. Tujuan utama program ini adalah untuk menggandingkan usahawan dengan penyelidik-penyalidik universiti melalui bimbingan dan latihan bagi membantu merapatkan jurang perniagaan, teknologi serta membina keupayaan usahawan dalam kalangan penyelidik universiti. Taklimat telah disampaikan oleh En. Muhammad Hasif Hasan dari GCIP Malaysia. Turut hadir adalah Profesor Madya Dr. Mohd Najib Mohd Salleh (Dekan ICC), Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor (Timbalan Dekan ICC) serta penyelidik-penyalidik universiti.



LAWATAN DARI TOYOHASHI UNIVERSITY OF TECHNOLOGY



UTHM menerusi Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC), ORICC telah menerima kunjungan delegasi dari *Toyohashi University of Technology*, Jepun pada 30 Mac 2016. Tujuan lawatan ini adalah untuk menjalin hubungan kerjasama dalam penyelidikan dan inovasi antara kedua-dua belah pihak. Delegasi dari universiti tersebut diketuai oleh Profesor Dr. Masayuki Nagao. Bersama-sama beliau adalah Profesor Madya Dr. Lim Pang Boey dan Dr. Tan Wai Kian. Perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Profesor Dr. Hashim Saim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Turut hadir ialah Profesor Madya Dr. Mohd Najib Mohd Salleh (Dekan ICC), Profesor Dr. Rosziati Ibrahim (Dekan R&D), Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor (Timbalan Dekan ICC), Dr. Wan Saiful Islam Wan Salim (Pejabat Antarabangsa), Dr. Fariza Mohammad (FKEE) dan Dr. Ainun Rahmawati Nordin (FKMP). Diharapkan agar lawatan serta perbincangan ini akan memberi manfaat serta mencapai objektif kedua-dua belah pihak.

